

MINIT MESYUARAT**SK TAMAN DAMAI JAYA****MINIT MESYUARAT HAL EHWAL MURID BIL 1 /TAHUN 2017**

Tarikh	: 26 Disember 2016
Masa	: 10.30 pagi
Tempat	: Bilik mesyuarat
Pengerusi	: Pn Siti Fatimah binti Mohd Ali
Kehadiran	: 49/50 Orang
Tidak hadir	: 1)Pn. Habibah binti Hussin

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah.
- 1.2 GPK HEM mengucapkan ribuan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua guru untuk mesyuarat HEM kali ini.

2.0 PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

- 2.1 GPK HEM meminta semua guru menghias kelas mengikut pembelajaran alaf 21.

3.0 FOKUS MESYUARAT**3.1 BUKU PENGURUSAN KELAS**

- 3.1.1 GPK HEM mengingatkan kepada semua guru untuk mengisi buku pengurusan kelas yang diletakkan di dalam kelas.
- 3.1.2 Guru-guru perlu menulis masalah disiplin murid ketika berada di dalam kelas supaya tindakan lanjut boleh di ambil oleh pihak sekolah sekiranya berlaku perkara berbangkit daripada pihak ibu bapa.

Tindakan: Semua guru

3.2 TABUNGAN DAN INSURANS

- 3.2.1 Unit tabungan dan insurans telah diletakkan di bawah unit kebajikan memandangkan bidang tugas kebajikan dan tabungan adalah sama.

Tindakan: Unit berkenaan

3.3 TAKWIM

- 3.3.1 Takwim HEM adalah mengikut pindaan semasa sekiranya berlaku perubahan program dan tarikh yang akan dilaksanakan.

Tindakan: Semua guru.

3.4 KECERIAAN DAN KEBERSIHAN SEKOLAH

- 3.4.1 GPK HEM memaklumkan terdapat perubahan aktiviti bagi unit kebersihan dan keceriaan.
- 3.4.2 Setiap AJK diminta menjalankan tugas bagi menghiaskan kaawasan sekolah.
- 3.4.3 AJK perlulah membahagikan tugas dalam usaha menceriaikan kawasan sekolah seperti yang diminta oleh pihak sekolah.

Tindakan: Unit keceriaan

3.5 KANTIN

- 3.5.1 AJK unit kantin diminta menyediakan sudut informasi dan maklumat untuk diletakkan di ruang makan murid.
- 3.5.2 AJK unit kantin diminta menyiapkan bahan-bahan maklumat sebelum sesi persekolahan bermula pada 1 Januari 2017.

3.6 LORONG PPDA

- 3.6.1 Unit PPDA diminta untuk melengkapkan lorong PPDA kerana didapati lorong tersebut masih belum disiapkan dengan maklumat mengenai PPDA.

Tindakan: Unit PPDA

3.7 SEMAKAN KEHADIRAN MURID

- 3.7.1 Ajk semakan kehadiran diwujudkan bagi membantu guru kelas menulis rekod kehadiran murid mengikut cara penulisan yang betul.
- 3.7.2 Ajk ini diminta untuk mengumpulkan data murid yang sering tidak hadir ke sekolah untuk tindakan lanjut kepada guru Bimbingan dan Kaunseling, GPK HEM dan Guru Besar.

Tindakan: Unit semakan kehadiran murid

3.8 PROGRAM SUSU 1 MALAYSIA (PS1M)

- 3.8.1 Guru yang terlibat diminta untuk mengadakan pemilihan murid yang layak.
- 3.8.2 guru yang terlibat diminta untuk mengedarkan susu kepada murid yang layak dan memantau murid ketika minum susu.

Tindakan: Unit program susu

3.9 RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT)

- 3.9.1 Guru yang terlibat diminta membuat jadual bertugas untuk memantau murid sewaktu rehat bagi memastikan murid berkenaan mengambil rancangan makanan tambahan tersebut.

Tindakan: Guru RMT

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 GPK HEM memaklumkan setiap kelas akan mendapat dua pas keluar untuk digunakan oleh murid-murid.

PENUTUP

- a. Mesyuarat diakhiri dengan bacaan surah Al- Ash.
- b. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Disediakan oleh,

Disemak Oleh,

.....
(NUR ATIQAH BINTI NASRUDIN)
Setiausaha Hal Ehwal Murid
Sk Taman Damai Jaya
Tarikh : 26 Disember 2016

.....
(PN SITI FATIMAH BINTI MOHD ALI)
GPK Hal Ehwal Murid
Sk Taman Damai Jaya